KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **15 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 2

# Minda Pengarang

## Perlu jelaskan pelan, garis masa pelaksanaan GST kepada rakyat, industri

**Sejak** Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dimansuhkan semasa pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad pada 2018, syor dan saranan pelbagai pihak supaya ia dikembalikan acap kali disuarakan terutama pakar serta penganalisis ekonomi. Ini kerana GST diakui sebagai sistem percukaian paling efisien dan telus, sekali gus mampu meningkatkan pendapatan negara secara signifikan serta menutup lubang kepada pihak yang lari daripada cukai.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini mengesahkan kerajaan hanya akan melaksanakan semula GST apabila pendapatan rakyat mencapai ambang minimum RM3,000 hingga RM4,000 untuk memastikan beban cukai tidak memberi kesan buruk kepada golongan berpendapatan rendah, sekali gus menjaga kesejahteraan rakyat.

Kita memuji keprihatinan kerajaan terhadap situasi ekonomi rakyat di sebalik pengakuan Perdana Menteri sendiri berdasarkan pengalamannya sebagai Menteri Kewangan sejak 1990-an lagi mengenai kecekapan dan kelebihan kepada kerajaan untuk mengutip pendapatan.

Namun, kita mengakui pelaksanaan semula GST tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru tanpa peta jalan yang jelas hingga boleh mengganggu ekosistem ekonomi, mempengaruhi kos sara hidup dan mewujudkan ketidakstabilan dalam industri perniagaan.

Justeru, kita menyarankan kerajaan menyediakan pelan pelaksanaan GST menyeluruh termasuk garis masa jelas, langkah persediaan praktikal dan program komunikasi berkesan untuk memberi penerangan kepada semua pihak daripada rakyat dan pemain industri.

Langkah ini penting bagi memastikan rakyat dan sektor perniagaan dan perindustrian tidak terkejut atau terbeban secara mendadak apabila GST diperkenalkan semula. Pelan tindakan juga harus mengandungi usaha memperkukuh infrastruktur dan kapasiti teknikal agensi seperti kastam untuk memastikan pelaksanaan cekap dan lancar.

Malah, ada baiknya kerajaan belajar daripada apa yang berlaku selepas pengumuman penyasaran subsidi bahan api dan pengapungan harga diesel serta kenaikan cukai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), sekali gus memastikan masalah sama tidak berulang apabila ia dibuat hingga menimbulkan kebimbangan pengguna dan pemain industri, yang bimbang terhadap peningkatan kos logistik, seterusnya kenaikan harga barangan.

Kita melihat kempen dan penerangan dibuat kerajaan terhadap kedua-dua langkah itu tidak menyeluruh serta memanfaatkan semua mekanisme yang ada termasuk media konvensional serta media baharu dan sampai ke peringkat akar umbi. Oleh itu, kerajaan perlu memberikan penerangan jelas, teratur dan berterusan mengenai kepentingan GST dan proses memperkenalkannya kepada masyarakat serta industri, sekali gus memiliki langkah mitigasi untuk mengelakkan kesan berantai yang boleh merugikan pengguna dan merencatkan ekonomi negara.

Akhir sekali, jika GST diperkenalkan semula, ia mesti dilaksanakan dengan prinsip keadilan sosial dengan pendapatan diperoleh perlu disalurkan untuk kebajikan rakyat, termasuk peningkatan taraf hidup golongan berpendapatan rendah, pembangunan infrastruktur serta memperkukuh sektor penting seperti kesihatan dan pendidikan.

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 15/10/2024

M/SURAT: 24

# Ekonomi, ringgit kukuh beri ruang capai sasaran fiskal

**Kekukuhan** ekonomi dan ringgit memberikan kerajaan lebih ruang untuk mencapai sasaran fiskal, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai bagaimana kerajaan merancang untuk mencapai sasaran defisit fiskal 4.3 peratus bagi tahun ini tanpa merasionalisasikan subsidi RON95.

"Saya fikir kita perlu menunggu Belanjawan 2025 dan bulan selepas itu kerana beberapa perkara telah berubah.

"Contohnya, dengan pertumbuhan ekonomi lebih tinggi, ini bermakna kita mempunyai sedikit lebih ruang untuk mencapai sasaran fiskal.

"Terdapat juga perubahan tertentu, seperti pengukuhan ringgit yang bermakna tekanan terhadap bil subsidi menjadi kurang.

"Saya rasa apa yang paling penting bagi kerajaan adalah mengimbangi segala-galanya kerana apa sahaja keputusan yang kita buat, semua parameter ini saling berkaitan seperti sasaran fiskal, inflasi dan terutama kesan terhadap kos sara hidup," katanya kepada media selepas Pelancaran Awam Monitor Ekonomi Malaysia Ke-30 oleh Bank Dunia, semalam.

Rafizi berkata, objektif utama adalah menjadikan kewangan awam lebih mampan.

"Objektif utama adalah menjadikan kewangan awam kita lebih mampan dan saya rasa kita mempunyai beberapa pilihan dasar yang boleh diterima pakai oleh kerajaan.

"Pandangan saya ialah sebagai kerajaan mempunyai lebih banyak pilihan untuk bergerak, maka kita akan dapat mengimbangi keseimbangan yang bersaing ini dengan lebih baik dan pada masa sama, kita akan bergerak lebih dekat kepada sasaran pengukuhan fiskal," tambah Rafizi.

Bank Dunia minggu lalu menyatakan bahawa kerajaan Malaysia perlu mengurangkan perbelanjaan subsidi petrol pada tahun ini untuk mencapai sasaran defisit fiskal 4.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk 2024, berbanding 5 peratus tahun lalu.

Kerajaan pada Jun telah menghapuskan subsidi menyeluruh untuk diesel di Semenanjung dengan tujuan menjimatkan kira-kira RM4 bilion setahun yang akan disalurkan semula kepada program bantuan lain.

Kerajaan belum mengumumkan tarikh rasionalisasi subsidi untuk RON95, gred petrol paling banyak digunakan yang kini ditetapkan pada RM2.05 seliter, namun kebanyakan firma penyelidikan sebelum ini menjangkakan pelaksanaan tersebut mungkin berlaku pada separuh kedua 2025.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Subsidi produk petroleum RM34.546b, tertinggi tahun lalu

**Putrajaya:** Subsidi produk petroleum adalah yang tertinggi direkodkan daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi dikenakan kepada perbelanjaan atau Vot Mengurus bagi 2023.

Menurut menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2024, perbelanjaan subsidi bagi produk berkenaan berjumlah RM34.546 bilion atau 70.2 peratus daripada keseluruhan RM49.190 bilion.

Perbelanjaan subsidi barangan petroleum itu membabitkan produk petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang dibekalkan 16 syarikat pengeluar bagi tuntutan pada Januari hingga November 2023.

Perbelanjaan terbabit menurun RM10.638 bilion atau 23.5 peratus berbanding 2022 yang berjumlah RM45.184 bilion.

Penurunan itu disebabkan harga purata produk petroleum satu tong di pasaran dunia adalah AS$82.60 berbanding AS$99.80 pada 2022.

Berdasarkan jadual dikongsikan dalam LKAN, produk petrol mencatatkan perbelanjaan subsidi berjumlah RM18.317 bilion, diikuti diesel (RM13.512 bilion) dan LPG (RM2.717 bilion).

Bagaimanapun, perbelanjaan subsidi keseluruhan yang dikenakan kepada Vot Mengurus bagi 2023 adalah sebanyak RM49.190 bilion, menurun 11.3 peratus atau RM6.253 bilion berbanding RM55.443 bilion tahun sebelumnya.

Utusan Malaysia

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 8

# Kerajaan disaran naikkan harga beras tempatan

Oleh NURUL IRDINA SOMALI
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan disarankan menaikkan harga Beras Putih Tempatan (BPT) bagi membantu pemain industri yang terkesan dengan ketidakstabilan harga makanan ruji tersebut, terutamanya golongan petani.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) Abdul Rashid Yob berkata, selagi harga beras tidak dinaikkan, pengguna dan pengilang akan terus berdepan masalah dari segi harga belian padi dan harga benih.

"Dulu, harga padi adalah RM1,200 per tan, harga benih di pintu kilang RM28 dan harga beras putih sekitar RM2.60 sekilogram. Ketika itu, keadaan tersebut dianggap stabil dan menguntungkan bagi semua pihak.

"Selepas Covid-19, harga belian padi meningkat daripada RM1,008 disebabkan kenaikan kos, termasuk benih yang naik tiga kali ganda semasa pandemik Covid-19, mencecah RM58 hingga RM60.

> "Selagi harga beras tidak dinaikkan, pengguna dan pengilang akan terus berdepan masalah dari segi harga belian padi dan harga benih."
>
> ABDUL RASHID YOB

"Situasi itu memberi tekanan kepada harga beras, yang masih di bawah paras RM2.60, sekologram menjadikannya tidak seimbang dan tidak adil," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu baru-baru ini dilaporkan berkata, perbincangan berhubung cadangan menaikkan harga beras masih diteruskan antara kementerian-kementerian lain.

"Sekarang masih di peringkat perbincangan dan akan menuju ke penyelesaian terakhir. Ia akan dimuktamadkan sebelum Oktober, insya-Allah. Sebarang perubahan harga dan sebagainya membabitkan perbincangan antara empat hingga lima kementerian," katanya.

Mengulas lanjut, Rashid berkata, kerajaan perlu berjiwa besar dengan menaikkan harga beras tempatan kepada lebih RM3.50 sekilogram bagi mengimbangi kos yang dihadapi oleh pengilang dan petani, serta memastikan industri ini dapat bertahan dalam jangka panjang.

"Jika tidak, kerajaan perlu mengeluarkan subsidi. Namun, dalam keadaan semasa, rasanya sukar untuk kerajaan menanggung subsidi yang besar," tambahnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 8

# Subsidi petroleum paling tinggi

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI

**PETALING JAYA:** Subsidi produk petroleum adalah subsidi tertinggi daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi dikenakan kepada perbelanjaan mengurus tahun lalu.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2023, kerajaan membelanjakan sebanyak RM34.546 bilion atau 70.2 peratus bagi pemberian subsidi produk tersebut daripada jumlah keseluruhan subsidi sebanyak RM49.190 bilion.

"Ia membabitkan produk petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang dibekalkan 16 syarikat pengeluar bagi tuntutan Januari hingga November 2023.

"Perbelanjaan terbabit menurun RM10.638 bilion atau 23.5 peratus berbanding 2022 yang berjumlah RM45.184 bilion. Ia disebabkan harga purata produk petroleum satu tong di pasaran dunia AS$82.60 berbanding AS$99.80 pada 2022," katanya semalam.

Berdasarkan jadual dikongsikan dalam LKAN 3/2023, produk petrol mencatatkan perbelanjaan subsidi berjumlah RM18.317 bilion, diikuti diesel (RM13.512 bilion) dan LPG (RM2.717 bilion).

Bagaimanapun, perbelanjaan subsidi keseluruhan yang dikenakan kepada amaun mengurus bagi 2023 adalah sebanyak RM49.190 bilion, turun 11.3 peratus atau RM6.253 bilion berbanding RM55.443 bilion tahun sebelumnya.



PERBELANJAAN subsidi untuk produk petroleum terutama petrol dan diesel merangkumi 70 peratus daripada jumlah keseluruhan subsidi yang dibelanjakan oleh kerajaan pada tahun lalu.

Sementara itu, daripada 842 pinjaman diberikan Kerajaan Persekutuan, sebanyak 262 atau 31 peratus mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM9.612 bilion.

LKAN 3/2023 menyebut, tunggakan yang dicatatkan sehingga 31 Disember tahun lalu itu berdasarkan Akaun Belum Terima (ABT).

"Amaun tunggakan terbabit terdiri daripada prinsipal pinjaman sejumlah RM6.970 bilion serta faedah pinjaman dan faedah lewat berjumlah RM2.642 bilion.

"Tempoh tunggakan pinjaman yang dikenal pasti adalah antara satu hingga 43 tahun," katanya.

Berdasarkan rekod, ABT merupakan sejumlah amaun sepatutnya diterima kerajaan pada sesuatu masa berasaskan bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan kerajaan yang berkuat kuasa.

Daripada keseluruhan tunggakan pinjaman RM9.612 bilion, tunggakan pinjaman melebihi enam tahun berjumlah RM5.198 bilion (54.1 peratus) adalah yang tertinggi.

Tunggakan berusia tiga hingga enam tahun berjumlah RM2.150 bilion atau bersamaan 22.4 peratus.

Bagi pelbagai ABT, katanya, pengusiaan melebihi enam tahun berjumlah RM23.214 bilion (50.6 peratus) adalah yang tertinggi, diikuti pengusiaan tiga hingga enam tahun berjumlah RM11.049 bilion (24.1 peratus).

"Analisis lanjut mendapati, daripada 262 pinjaman tertunggak adalah 75 pinjaman berjumlah RM4.791 bilion yang tidak pernah dibuat bayaran balik sejak Jadual Bayaran Balik berkuat kuasa antara 1981 hingga 2023," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 3

# Subsidi produk petroleum tertinggi

## Sebanyak RM34.546 bilion atau 70.2 peratus dibelanjakan daripada keseluruhan subsidi oleh kerajaan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
KUALA LUMPUR

Subsidi produk petroleum adalah yang tertinggi direkodkan daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi dikenakan kepada perbelanjaan atau Vot Mengurus bagi tahun 2023.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2024 yang dikeluarkan pada Isnin, subsidi barangan produk petroleum merangkumi petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) itu berjumlah RM34.546 bilion atau 70.2 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi oleh kerajaan.

"Perbelanjaan subsidi produk petroleum ini melibatkan petrol, diesel, LPG yang dibekalkan oleh 16 syarikat pengeluar bagi tuntutan Januari hingga November 2023.

"Perbelanjaan tersebut menurun sejumlah RM10.638 bilion atau 23.5 peratus berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM45.184 bilion.

"Penurunan ini disebabkan harga purata produk petroleum setong di pasaran dunia berjumlah AS$82.60 berbanding AS$99.80 pada tahun 2022," menurut laporan berkenaan.

Sementara itu, petrol mencatatkan perbelanjaan subsidi tertinggi iaitu sebanyak RM18.317 bilion, diikuti diesel (RM13.512 bilion) dan LPG (RM2.717 bilion).

Kerajaan Persekutuan pada 10 Jun lalu mengumumkan penyasaran subsidi diesel membabitkan pengguna seluruh Semenanjung Malaysia.

Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel itu, kerajaan dijangka dapat melakukan penjimatan sekitar RM4 bilion setahun.



Subsidi produk diesel kedua tertinggi selepas petrol iaitu membabitkan RM13.512 bilion.

LAPORAN MUKA DEPAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 4

NEW REVENUE SOURCES

# KSI expects wider SST scope, higher sugar tax

**KUALA LUMPUR:** The government may expand the scope of the Sales and Service Tax (SST), increase the sugar tax and introduce two new taxes under the 2025 Budget in the absence of the Goods and Services Tax (GST).

Dr Anthony Dass, economic adviser at KSI Strategic Institute and head of research at AmBank, said the SST's scope is likely to be widened considering that it currently only covers 41 per cent of all goods and services, compared to the GST which covered 67 per cent.

He expects the sugar tax to be raised to 20 per cent, a high-value goods tax to be introduced, and a global minimum tax based on Global Anti-Base Erosion rules.

Affected companies will be imposed with a 15 per cent tax effective Jan 1, 2025, aligning with international taxation standards, especially in curbing tax base erosion activities and transferring profits to countries with low tax rates.

Revenue from tax will continue to be the primary source of gover[nment funds,] he said in the firm's budg[et] report.

"A conservative project[ion] ... to four per cent increase in ... would be supported by hig[her] ... and individual tax revenue ... optimistic economic outlo[ok] ... of the tax base, further impr[oved] compliance, and collection e[fforts] ... tied to 'e-invoicing' for full im[plementation] on July 1, 2025," he said.

...nment funds.
...r breakdown
...on of a three ... tax collection ... her corporate ... from a more ... k, broadening ... ovement in tax ... in the phasing ... plementation.

Belanjawan 2025
MALAYSIA MADANI

On non-tax revenue, the dividend payout from Petronas will be lower than 2024's RM32 billion following the decline in oil price.

He expects the fiscal deficit (gross domestic product target for 2025 to likely to be around -3.5 per cent, with tax revenue remaining the main source of government funds.

He also said the potential rationalisation of the RON95 subsidy would raise fuel prices, directly affecting transport costs and indirectly increasing the prices of goods and services.

He emphasised the need to address the rising living costs, healthcare expenses and skills development.

He proposed enhancing aid programmes to help households cope with cost of living challenges.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 8

# Budget 2025 set to focus on fiscal reforms, clearer tax measures and 12 MP MTR

**KUCHING:** As the last budget for the 12 Malaysia Plan (2021 to 2025), economic experts at KSI Strategic Institute for Asia Pacific (KSI) believe Budget 2025 will likely focus on three key components which are fiscal reforms, clearer tax measures, and measures that align with the 12th Malaysia Plan Mid-Term Review (12 MP MTR).

"The budget is expected to incorporate fiscal reforms aligned with the Fiscal Responsibility Act's medium-term objectives. It is to manage the country's deficit and debt levels sustainably while fostering a conducive environment for private sector growth.

"Budget 2025 is expected to focus on private sector development, particularly small and medium-sized enterprises (SMEs). This includes increasing the SME contribution to GDP and exports and boosting productivity through technology integration.

"Besides, the emphasis will also be on productivity and technological adoption, in line with the goals set in the 12 MP MTR," KSI economic advisor Dr Anthony Dass said in a statement.

He also pointed out that Budget 2025's key short-term priorities will likely incude raising the ceiling via the restructuring the economy to promote greater competitiveness and higher value added activities, raising the floor through improving quality of life and ensuring inclusiveness of opportunities, and the strengthening governance through enhancing public service delivery.

Dass also noted that the MADANI government is expected to remain firm on its continued commitment to fiscal consolidation.

The fiscal deficit/GDP target for 2025 is likely to be around -3.5 per cent based on the government's plan to meet the 12 MP MTR target, the Mid-Term Fiscal Framework (MTFF) target, and the commitment to the Public Finance and Fiscal Responsibility Act that was passed on October 11, 2023 with the objective to lower the fiscal deficit to three per cent or less in the next three to five years.

"Revenue from tax will continue to be the primary source of government funds. A conservative projection of a three to four per cent increase in tax collection would be supported by higher corporate and individual tax revenues from a more optimistic economic outlook, broadening of the tax base, further improvement in tax compliance, and collection via the phasing in of 'e-invoicing' starting June 1, 2024 for full implementation on July 1, 2025.

"On the non-tax revenue, the dividend payout from Petronas will be lower than 2024's RM32 billion following the decline in oil price.

"It is consistent with the 12 MPMTR where the government highlighted their commitment to widen the tax base structure," Dass said.

For 2025, Dass believe the government may introduce/implement several tax measures such as the sugar tax, high-value goods tax, and a global minimum tax based on Global Anti-Base Erosion (GloBE).

"At this juncture, we believe that GST will not be included in Budget 2025.

"While there's increasing speculation among market participants about the potential reintroduction of GST, statements from some government officials indicate that the economy is not yet ready for that move.

"We suspect the government may expand the scope of SST to increase the revenue considering SST covers 41 per cent of all goods and services while GST covered 76 per cent previously," Dass remarked.

Meanwhile, he noted that in the coming budget, the government might continue to move away from a blanket subsidy approach to a targeted approach.

"The federal government spent a bulk of RM 223.5 billion on subsidies between 2012 and 2022, with 71.6 per cent of the subsidy expenditure allocated to fuel.

"The focus is now on the RON 95 fuel subsidy rationalisation. While it is on the table, the issue is all about timing, magnitude, and structure," he said.

As for the allocation on development across Malaysia, Dass highlighted that the development expenditure (DE) allocation will likely remain sizeable at around RM70 billion to RM80 billion. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 5

# Madani Rakyat 2024 program meets goals, objectives — Ministry

**KUALA LUMPUR:** The 2024 MADANI Rakyat 2024 program has successfully met the goals and objectives set by the government, said Communications Ministry secretary-general Datuk Mohamad Fauzi Md Isa.

He noted that since its launch in February, the program has consistently received an overwhelming response from the public, who are eager to learn about the government's initiatives and progress.

"It achieved the set goals and objectives with the attendance of more than 200,000 people at each MADANI Rakyat event, which is exactly what we hoped for.

"Through the MADANI Rakyat program, the public gets a direct explanation from government agencies about various initiatives, not through middlemen or third parties," he said when appearing as a guest on the Bernama TV "Apa Khabar Malaysia" program Monday.

Meanwhile, he said the Sayangi Sabah MADANI Rakyat 2024 program is the sixth and final zone for this year, following events held in the Central Zone (Selangor), Northern Zone (Penang), Eastern Zone (Pahang), Southern Zone (Johor), and the Sarawak Zone.

Mohamad Fauzi said the implementation of the program in Sabah involved a strategic collaboration with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) as the lead ministry, as well as the Sabah government and the Performance Leap Coordination Unit (PACU) of the Prime Minister's Department (JPM).

He said eight key programs are provided, including People's Well-being by the Implementation Coordination Unit (ICU) of JPM, Unity Agenda (Ministry of National Unity), Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Career Carnival (Ministry of Human Resources) and State Government Services (Sabah government) ).

Others are Agriculture and Food Security (Ministry of Agriculture and Food Security), Health Services (Ministry of Health) and science, technology, engineering and Mathematics (STEM) and Artificial Intelligence (AI) programs (Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Ministry of Education (MoE) and the Ministry of Higher Education (KPT), he said.

The MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah program with the theme of 'Improving Consumer Well-being' will be held for three days from this Friday (Oct 18) at the compound of the Likas Sports Complex.

It is scheduled to be opened by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim on Oct 19. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 4

# Program MADANI Rakyat 2024 berjaya capai matlamat

## Setiap penganjuran aturcara sentiasa mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat jelata: Mohamad Fauzi

**KUALA LUMPUR: Program MADANI Rakyat 2024 berjaya mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan oleh kerajaan, kata Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Datuk Mohamad Fauzi Md Isa.**

Beliau berkata setiap penganjuran program berkenaan sejak permulaannya pada Februari lepas sentiasa mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat jelata yang ingin tahu mengenai usaha dan prestasi kerajaan setakat ini.

"... memang mencapai (matlamat dan objektif) kerana kehadiran (setiap Program MADANI Rakyat) melebihi 200,000 orang, itu yang kita harapkan.

"Melalui Program MADANI Rakyat, orang ramai mendapatkan penjelasan (berkenaan inisiatif kerajaan) terus daripada setiap agensi kerajaan, bukan melalui orang tengah atau pihak ketiga," katanya ketika menjadi tetamu dalam program Apa Khabar Malaysia terbitan Bernama TV semalam.

Beliau berkata Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah merupakan siri keenam serta pelengkap Program MADANI Rakyat tahun ini selepas Zon Tengah di Selangor, Zon Utara di Pulau Pinang, Zon Timur di Pahang, Zon Selatan di Johor dan Zon Sarawak.

Mohamad Fauzi berkata pelaksanaan program itu di Sabah melibatkan kolaboratif strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selaku kementerian peneraju serta kerajaan Sabah dan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

> "... memang mencapai (matlamat dan objektif) kerana kehadiran (setiap Program MADANI Rakyat) melebihi 200,000 orang, itu yang kita harapkan."

"Sebanyak lapan program tumpuan diadakan iaitu Kesejahteraan Rakyat dilaksana Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM, Agenda Perpaduan (Kementerian Perpaduan Negara), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Karnival Kerjaya (Kementerian Sumber Manusia) dan Perkhidmatan Kerajaan Negeri (kerajaan Sabah).

"Selain itu Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan), Perkhidmatan Kesihatan (Kementerian Kesihatan) dan program sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta kecerdasan buatan (AI) dilaksana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)," katanya.

Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah yang bertemakan 'Meningkatkan Kesejahteraan Pengguna' akan berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat (18 Okt) di perkarangan Kompleks Sukan Likas dan dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Oktober. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 15/10/2024
M/SURAT: 10

# Program MADANI Rakyat 2024 berjaya capai matlamat, objektif kerajaan

## Setiap penganjuran sentiasa mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat jelata

**KUALA LUMPUR: Program MADANI Rakyat 2024 berjaya mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan oleh kerajaan, kata Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Datuk Mohamad Fauzi Md Isa.**

Beliau berkata setiap penganjuran program berkenaan sejak permulaannya pada Februari lepas sentiasa mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat jelata yang ingin tahu mengenai usaha dan prestasi kerajaan setakat ini.

"... memang mencapai (matlamat dan objektif) kerana kehadiran (setiap Program MADANI Rakyat) melebihi 200,000 orang, itu yang kita harapkan.

"Melalui Program MADANI Rakyat, orang ramai mendapatkan penjelasan (berkenaan inisiatif kerajaan) terus daripada setiap agensi kerajaan, bukan melalui orang tengah atau parti ketiga," katanya ketika menjadi tetamu dalam program Apa Khabar Malaysia terbitan Bernama TV semalam.

Beliau berkata Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah merupakan zon keenam serta pelengkap Program MADANI Rakyat tahun ini selepas Zon Tengah di Selangor, Zon Utara di Pulau Pinang, Zon Timur di Pahang, Zon Selatan di Johor dan Zon Sarawak.

Mohamad Fauzi berkata pelaksanaan program itu di Sabah melibatkan kolaboratif strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selaku kementerian peneraju serta kerajaan Sabah dan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Sebanyak lapan program tumpuan disediakan iaitu Kesejahteraan Rakyat dilaksana Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM, Agenda Perpaduan (Kementerian Perpaduan Negara), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Karnival Kerjaya (Kementerian Sumber Manusia) dan Perkhidmatan Kerajaan Negeri (kerajaan Sabah).

"Selain itu Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan), Perkhidmatan Kesihatan (Kementerian Kesihatan) dan program sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta kecerdasan buatan (AI) dilaksana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)," katanya.

Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah yang bertemakan 'Meningkatkan Kesejahteraan Pengguna' akan berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat (18 Okt) di pekarangan Kompleks Sukan Likas dan dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Oktober. — Bernama

> ❝ ... memang mencapai (matlamat dan objektif) kerana kehadiran (setiap Program MADANI Rakyat) melebihi 200,000 orang, itu yang kita harapkan. ❞

Datuk Mohamad Fauzi Md Isa

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 15 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 15-Oct | Program Madani Rakyat 2024 berjaya capai matlamat, objektif kerajaan | https://www.sinarharian.com.my/article/690844/berita/nasional/program-madani-rakyat-2024-berjaya-capai-matlamat-objektif-kerajaan | SINAR HARIAN |
| 15-Oct | PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 BERJAYA CAPAI MATLAMAT, OBJEKTIF KERAJAAN - MOHAMAD FAUZI | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2351391 | BERNAMA |
| 15-Oct | Talismans discovered in restaurant during raid by KPDN | https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2024/10/1119322/nstviral-talismans-discovered-restaurant-during-raid-kpdn | NEW STRAITS TIMES |
| 15-Oct | KPDN Labuan jamin bekalan gula mencukupi | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-labuan-jamin-bekalan-gula-mencukupi/ | WILAYAHKU |
| 15-Oct | Subsidi produk petroleum tertinggi tahun lalu | https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/690919 | SINAR HARIAN |
| 15-Oct | LKAN: Petroleum paling tinggi daripada keseluruhan subsidi | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/lkan-petroleum-paling-tinggi-daripada-keseluruhan-subsidi/ | UTUSAN MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT